

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 7 Februari 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN MALAYSIA (IHPRP)
SUKU TAHUN KEEMPAT 2021**

**Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 0.5%
pada Suku Tahun Keempat 2021**

PUTRAJAYA, 7 Februari 2022 – Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) mengukur purata perubahan harga perkhidmatan yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan di Malaysia meningkat 0.5 peratus untuk suku tahun keempat 2021 kepada 110.7 berbanding 110.1 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia mengeluarkan laporan bagi **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KEEMPAT 2021** pada hari ini.

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Peningkatan ini didorong terutamanya oleh indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (1.5%) dan Pengangkutan (0.7%). Kenaikan indeks Restoran & Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (1.8%) mendorong kepada kenaikan indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman. Susulan penarikan semula sekatan perjalanan dan pembukaan sektor pelancongan yang berkuat kuasa pada pertengahan September 2021 juga mempengaruhi peningkatan bagi subsektor ini. Bagi subsektor pengangkutan, kenaikan ini didorong terutamanya oleh harga yang lebih tinggi dalam Pengangkutan Muatan melalui Jalan Raya (1.2%) dan Pengangkutan Penumpang Udara (0.8%)”.


Subsektor yang lain juga merekodkan kenaikan iaitu Aktiviti Hartanah (0.6%), Pendidikan (0.5%), Kesihatan (0.2%) dan Profesional (0.1%). Bagaimanapun, indeks bagi subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi menunjukkan penurunan sebanyak 0.2 peratus manakala indeks Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah. Secara keseluruhan pada tahun 2021, IHPRP meningkat sebanyak 0.3 peratus berbanding 0.5 peratus yang direkodkan pada 2020.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa, "Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, IHPRP meningkat kepada 0.2 peratus. Peningkatan ini disumbang oleh subsektor Pengangkutan (0.8%), Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (0.7%) dan Aktiviti Hartanah (0.2%). Kenaikan dalam subsektor Pengangkutan disumbang terutamanya oleh Pengangkutan Penumpang Udara dimana meningkat sebanyak 3.1 peratus berbanding 1.0 peratus yang direkodkan pada suku ketiga 2021. Indeks bagi subsektor Profesional, Pendidikan dan Kesihatan masing-masing mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 0.1 peratus. Namun begitu, indeks bagi Kesenian, Hiburan & Rekreasi mencatatkan penurunan sebanyak 2.2 peratus disebabkan oleh penurunan Aktiviti Perjudian dan Pertaruhan, manakala indeks bagi subsektor Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah".

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (2010=100), Suku Tahun Keempat 2021

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan %	
	ST4 2020	ST3 2021	ST4 2021	ST4 2021/ ST3 2021	ST4 2021/ ST4 2020
JUMLAH	110.1	110.5	110.7	0.2	0.5
Pengangkutan	104.6	104.5	105.3	0.8	0.7
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	134.8	135.9	136.8	0.7	1.5
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
Aktiviti Hartanah	126.1	126.6	126.9	0.2	0.6
Profesional	103.7	103.7	103.8	0.1	0.1
Pendidikan	115.3	115.8	115.9	0.1	0.5
Kesihatan	107.1	107.2	107.3	0.1	0.2
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	97.9	99.9	97.7	-2.2	-0.2



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 FEBRUARI 2022**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, February 7th 2022



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI)
FOURTH QUARTER 2021**

**Services Producer Price Index increased 0.5%
in the Fourth Quarter of 2021**

PUTRAJAYA, 7 February 2022 – The Services Producer Price Index (SPPI) which measures the average changes in the price of service charged by the local service industries in Malaysia has increased 0.5 per cent for the fourth quarter of 2021 to 110.7 as compared to 110.1 in the same quarter of the preceding year. The Department of Statistics, Malaysia released the report on **THE SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), FOURTH QUARTER 2021** today.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia mentioned, “The increase in the index was mainly driven by Accommodation and Food & Beverage Service Activities (1.5%) and Transportation (0.7%). The incline in the Restaurants & Mobile Food Service Activities (1.8%) led to the increase of the index for Accommodation and Food & Beverage Services. Subsequently, the uplifting of travel restrictions and the reopening of the tourism sector effective mid-September 2021 also influenced the increase in this subsector. As for transportation sub-sector, the increase were mainly driven by the higher prices in Freight Transport by Road (1.2%) and Passenger Air Transport (0.8%)”.


Other sub-sectors that also recorded increases are Real Estate Activities (0.6%), Education (0.5%), Health (0.2%) and Professional (0.1%). However, the index for Arts, Entertainment & Recreation sub-sector showed a decrease of 0.2 per cent while the Information & Communication index remained unchanged. Overall, for the year 2021, SPPI increased by 0.3 per cent as compared to 0.5 per cent recorded in 2020.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "For a quarter-on-quarter comparison, the SPPI rose by 0.2 per cent. This increase was contributed by the Transport sub-sectors (0.8%), Accommodation and Food & Beverage Service Activities (0.7%) and Real Estate Activities (0.2%). The rise in transportation subsectors was mainly attributed by Passenger Air Transport which went up by 3.1 per cent as compared to 1.0 per cent recorded in the third quarter 2021. The indices for the sub-sectors of Professional, Education and Health each registered a marginal increase of 0.1 per cent. However, the index for Arts, Entertainment & Recreation recorded a decline of 2.2 per cent due to the gambling and betting activities, while the index for the Information & Communication sub-sectors remained unchanged".

The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. The Department greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM officers and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Table 1: Services Producer Price Index (2010=100), Fourth Quarter 2021

Subsectors	Index			Percentage Change %	
	Q4 2020	Q3 2021	Q4 2021	Q4 2021/ Q3 2021	Q4 2021/ Q4 2020
TOTAL	110.1	110.5	110.7	0.2	0.5
<i>Transportation</i>	104.6	104.5	105.3	0.8	0.7
<i>Accommodation and Food & Beverage Service Activities</i>	134.8	135.9	136.8	0.7	1.5
<i>Information & Communication</i>	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
<i>Real Estate Activities</i>	126.1	126.6	126.9	0.2	0.6
<i>Professional</i>	103.7	103.7	103.8	0.1	0.1
<i>Education</i>	115.3	115.8	115.9	0.1	0.5
<i>Health</i>	107.1	107.2	107.3	0.1	0.2
<i>Arts, Entertainment & Recreation</i>	97.9	99.9	97.7	-2.2	-0.2



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
7th FEBRUARY 2021**